

UMS-KAL sentiasa jalin hubungan dengan masyarakat setempat

UB 03.04.2012 B5

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan terus menjalankan hubungan dengan pemimpin dan masyarakat tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata kerjasama erat itu akan diusahakan oleh mahasiswa dan kakitangan melalui penganjuran pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Katanya, semangat 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sememangnya telah wujud di UMS-KAL yang akan digunakan untuk mengadakan aktiviti dan program dengan komuniti di pulau bebas cukai ini.

Beliau berkata dengan adanya program itu, ia akan turut membantu mempromosikan UMS-KAL sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang melahirkan mahasiswa yang berkualiti dan cemerlang.

"Mahasiswa dan kakitangan akan terus mengadakan program yang mampu mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara UMS-KAL dengan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan program Karnival Aku Mahasiswa Universiti 2012 (KAMU) di Dewan Utama UMS-KAL, malam Sabtu lalu.

Teks ucapan beliau dibacakan



ZAMRI (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang sempena penganjuran Karnival Aku Mahasiswa Universiti 2012 diperhatikan Nur Iman (dua kiri).

oleh Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Turut hadir Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee Hock Ann, Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Norhanizah Adnan, Penyelaras Program KAMU, Nur Iman Reedzal dan Pengarah Program, Haziq Hafizuddin.

Pelbagai aktiviti diadakan pada program KAMU 12 termasuk pertandingan akustik, fotografi, dodgeball, pameran, pemeriksaan kesihatan,

sukanaka dan jualan.

Prof Dr Shariff berkata program yang memberi manfaat kepada generasi muda juga akan diadakan di 27 buah kampung bagi menaikkan semangat mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi ke menara gading di negarainitermasukkeUniversiti Malaysia Sabah.

Sementara itu, Nur Iman mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat yang menjayakan program KAMU pada tahun ini.

Katanya, penyertaan yang menggalakkan daripada orang ramai itu membuktikan hubungan yang baik antara universiti dengan masyarakat setempat sememangnya telah terjalin sejak UMS-KAL memulakan operasinya pada Mei 1999.

"Penyertaan daripada orang ramai sememangnya dialukan dalam semua program yang dianjurkan oleh mahasiswa untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim antara komuniti setempat dan UMS-KAL," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada semua AJK Kamu 2012.



SEBAHAGIAN mahasiswa yang menghadiri majlis penutupan Karnival Aku Mahasiswa Universiti 2012 di Dewan Utama UMS-KAL.